

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Pesara rugi RM216,000 jadi mangsa tipu dalam talian
Date : 2 July 2024
Section : Tempatan
Page : 1



Pesara rugi RM216,000 jadi mangsa tipu dalam talian

KUCHING: Seorang pesara dari daerah Padawan rugi kira-kira RM216,000 akibat penipuan dalam talian yang berlaku ke atas dirinya, baru-baru ini.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata berkata, kejadian itu berlaku apabila lelaki berusia pertengahan 60-an itu telah menerima panggilan daripada nombor telefon yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Umi Hani' dari DHL Melaka.

Menurutnya, dalam panggilan tersebut suspek menyatakan bahawa mangsa ada menghantar satu bungkusan mengandungi satu buku cek dan token dari Melaka ke Kedah.

"Suspek turut mengatakan bahawa bungkusan tersebut telah dihantar kepada pihak polis untuk siasatan dan mangsa perlu membuat laporan polis secara dalam talian sebagai penafian," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mancha berkata, panggilan telefon itu kononnya telah disambungkan ke Bukit Aman dan mangsa bercakap dengan suspek yang menyamar sebagai 'Inspektor Lai'.

"Suspek memberitahu bahawa mangsa ada terlibat dengan kes jenayah pengubahan wang haram.

"Dalam panggilan itu juga, suspek memberitahu bahawa dia dapat membantu mangsa menyasat kes tersebut dan kes akan dirujuk kepada pihak atasan yang dikendalikan oleh Datuk Ling iaitu pegawai penyiasat kanan," jelasnya.

Menurutnya, suspek seterusnya telah mengarahkan mangsa supaya mengeluarkan kesemua wang simpanan persaraan yang ada untuk dipindahkan ke dalam beberapa pemilik akaun bank berbeza untuk tujuan siasatan pihak polis.

◆ [Lihat Muka 2](#)

Pesara rugi RM216,000 jadi mangsa tipu dalam talian

► Dari Muka 1

“Mangsa yang dalam keadaan panik telah memindahkan wang menerusi lapan transaksi ke dalam lima akaun bank suspek yang berbeza dari pertengahan bulan Jun hingga hujung Jun 2024.

“Setelah membuat pemindahan wang, mangsa

menyedari dirinya telah ditipu apabila suspek masih menghubungi serta mengarahkan mangsa merahsiakan perkara ini daripada sesiapa dan mangsa perlu melaporkan diri setiap masa kepada suspek,” katanya.

Ujarnya, jumlah kerugian mangsa ialah kira-kira RM216,000.